

## **ISU DAN CABARAN PELAKSANAAN DASAR SEKURITI MAKANAN DI MALAYSIA, 1981 – 2012**

*Bakri Mat, Zarina Othman & Rashila Ramli<sup>1</sup>*

*Program Strategi dan Hubungan Antarabangsa*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*bakri@uum.edu.my*

*zothman@ukm.edu.my*

*rashila@ukm.edu.my*

### **Abstrak**

Walaupun dasar pembangunan di Malaysia turut memberi tumpuan terhadap isu sekuriti makanan, ia tidak efektif dan telah memberi kesan negatif terhadap keselamatan insan di Malaysia. Artikel ini bertujuan menganalisis isu dan cabaran pelaksanaan dasar berhubung sekuriti makanan di Malaysia dari tahun 1981 hingga 2012. Kajian ini menghujahkan isu dan cabaran pelaksanaan dasar sekuriti makanan adalah sebahagiannya disebabkan oleh kegagalan kerajaan dalam merangka dasar yang efektif dan tidak selari dengan proses globalisasi. Metodologi kajian telah mengumpulkan kedua-dua data primer dan sekunder. Data primer dikutip melalui kaedah temu bual terhadap kumpulan pakar termasuk ahli akademik, pembuat dasar, badan bukan kerajaan dan juga orang awam dan data daripada analisis kandungan. Sementara data sekunder diperoleh melalui kajian perpustakaan meliputi dokumen bercetak dan elektronik termasuk buku dan jurnal. Dapatkan kajian menunjukkan dasar berkaitan sekuriti makanan di Malaysia adalah tidak efektif kerana pertama, Malaysia tidak memiliki suatu dasar yang konkret dan komprehensif sejak dari awal merdeka sehingga kini; kedua, dasar pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan bermula dari tahun 1980-an tidak seimbang dan mengabaikan pembangunan sektor pertanian, khususnya tanaman makanan; ketiga, pelaksanaan dasar dan strategi berkaitan sekuriti makanan tidak konsisten di peringkat nasional; dan keempat, globalisasi menjadikan isu sekuriti makanan bertambah serius. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelaksanaan dasar berhubung sekuriti makanan sehingga kini telah menyebabkan kemerosotan pertumbuhan sektor makanan dan meningkatkan kebergantungan makanan terhadap pasaran antarabangsa. Secara tidak langsung, ia memberi impak negatif pada keselamatan insan di Malaysia. Kajian ini mencadangkan supaya sektor pertanian diberikan perhatian serius oleh kerajaan untuk mengurangkan pergantungan terhadap import makanan di samping untuk menjamin keselamatan insan.

**Kata kunci:** Globalisasi, kebergantungan makanan, keselamatan insan, pasaran antarabangsa, sekuriti makanan.

### ***Abstract***

*Although policy development in Malaysia has focused on food security issues, it has not been effective besides having a negative impact on human security. This article aims to analyze issues and challenges of food security implementation policies in Malaysia, from 1981 to 2012. The study argues that the issues and challenges of food security policy implementation are partly due to the failure of the government to formulate an effective policy, which was not parallel with the process of globalisation. Methodologically, this study has gathered both, primary and secondary data. Primary data was collected through interviews with a group of experts including the academicians, policy-makers, non-governmental organizations and from the public as well as data from content analysis method. While secondary data was obtained through literature review covers both printed and electronic documents including books and journals. The results showed that food security related policies in Malaysia are not effective because first, Malaysia does not have a concrete and comprehensive policies since the early independence until now; secondly, the development policy implemented by the government starting from the 1980's is not balanced and has neglected the development of the agricultural sector, particularly food crops; third, the implementation of policies and strategies related to food security is inconsistent nationally; and, fourth, globalization contributes to food insecurity issues. The study also demonstrates that the implementation of policies related to food security, to date, has resulted in the declining of growth in food sectors and increase food dependency on the international market. This in turn had a negative impact on human security in Malaysia. This study suggests that the agricultural sector should be given serious attention by the government in order to reduce dependence on imported food besides to ensure human security in the country.*

**Keywords:** *Globalization, food dependency, human security, international market, food security.*

## Pengenalan

Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui laporan yang dikeluarkan pada 14 September 2010 menganggarkan bilangan orang yang menderita kerana kelaparan pada tahun 2010 adalah seramai 925 juta. Angka ini adalah sedikit berkurangan jika dibandingkan dengan bilangan 1,020 bilion orang pada 2009. Namun, sebenarnya angka tersebut adalah lebih tinggi jika dibandingkan bilangan sebelum berlaku krisis makanan global 2008 yang lalu. Angka yang dicatatkan pada tahun 2010 itu mewakili 13.5 peratus daripada bilangan penduduk global, sedangkan objektif pertama yang ingin dicapai melalui *Millennium Development Goal* (MDG) menjelang 2015 ialah pengurangan kepada 8 peratus. Menyedari realiti ini, FAO telah membuat rumusan bahawa dunia masih jauh dari mencapai objektif pertama MDG untuk mengurangkan bilangan mangsa kelaparan di seluruh dunia menjelang tahun 2015 (FAO, 2010).

Senario ini mengakibatkan isu sekuriti makanan telah dikategorikan sebagai salah satu kategori ancaman daripada perspektif keselamatan insan<sup>2</sup> di peringkat global. Sekuriti makanan yang terjejas mampu memberi ancaman kepada sebuah komuniti masyarakat, dan seterusnya sebuah negara. Isu melibatkan ancaman sekuriti makanan boleh menimbulkan pelbagai masalah sosial lain seperti migrasi, jenayah, rusuhan, kekacauan dan juga pererangan sekiranya tidak ditangani dengan baik seperti yang berlaku di beberapa buah negara di benua Afrika, Arab Saudi, Filipina, Guinea, Mauritania, Mexico, Morocco, Senegal, Uzbekistan, Yaman dan lain-lain lagi (Martin, 2008; Vallely, 2008).

Walaupun secara umumnya tahap pengeluaran makanan dunia telah meningkat berbanding setengah abad yang lalu melalui peningkatan pengeluaran bekalan makanan global, isu kelaparan, malnutrisi dan ketidakjaminan makanan masih juga berlaku. Oleh itu, isu sekuriti makanan menurut perspektif keselamatan insan, sewajar dan seharusnya dipertingkatkan dan dijamin kerana sebarang ancaman yang menggugat kelangsungan hidup dan kesejahteraan individu dari aspek makanan akhirnya akan menjadi ancaman kepada keselamatan semua pihak termasuk kepada masyarakat dan negara (Zarina, 2004).

Di Malaysia, walaupun perbincangan tentang isu sekuriti makanan telah ditanggapi dalam maksud yang luas, perbincangan akan menyentuh tentang padi dan beras yang menjadi makanan ruji penduduk negara ini. Sehingga kini, walaupun pelbagai dasar telah dilaksanakan, isu berhubung sekuriti makanan masih wujud, menunjukkan dasar sedia ada tidak efektif dan memberi kesan terhadap keselamatan insan di Malaysia. Dalam krisis kenaikan harga makanan tahun 2008, di samping terpaksa menerima kesan kenaikan harga makanan yang berganda, kadar simpanan beras dalam negara yang rendah telah mendorong kerajaan membuat pembelian mengejut melalui rundingan antara kerajaan dan kerajaan dari Thailand, ketika negara-negara berstatus pengekspor seperti Thailand, Vietnam dan lain-lain telah mengambil langkah kawalan terhadap eksport beras ke pasaran antarabangsa untuk melindungi kepentingan masing-masing (Chandra & Lontoh, 2010; Tengku Mohd Ariff, 2011). Senario ini adalah manifestasi daripada persoalan dasar, iaitu sejauh mana kemampuan dasar yang telah dan sedang dilaksanakan boleh menjamin tahap sekuriti makanan di negara ini.

Kajian ini bertujuan menganalisis isu dan cabaran pelaksanaan dasar berhubung sekuriti makanan di Malaysia dari tahun 1980 hingga 2012. Kajian ini menghujahkan isu dan cabaran adalah pelbagai, tetapi sebahagiannya disebabkan oleh kegagalan kerajaan dalam menghadapi proses globalisasi yang sedang berlaku.

### **Konsep Keselamatan Insan**

Keselamatan insan ialah satu konsep yang meletakkan keselamatan manusia sebagai objektif dasar keselamatan, sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa (Fukuda-Parr & Messineo, 2012). Dengan meletakkan keselamatan manusia sebagai objektif, konsep keselamatan insan telah memilih pendekatan yang berbeza dengan konsep-konsep keselamatan arus perdana dalam kajian hubungan antarabangsa yang meletakkan ‘negara’ sebagai unit analisis paling utama. Dalam menjelaskan konsep keselamatan insan, terdapat banyak definisi telah dikeluarkan, antaranya oleh Program Pembangunan PBB (UNDP), *Council of Human Security* (CHS) dan lain-lain lagi. Thomas (2000) dan Alkire (2003) menjelaskan konsep keselamatan insan sebagai “*a condition of existence*” di mana ia merangkumi keperluan asasi

setiap individu seperti akses terhadap keperluan asas, harga diri atau maruah, hak penyertaan dalam masyarakat dan hak demokrasi, sama ada di peringkat domestik maupun antarabangsa. Oleh itu, isu-isu yang dibahaskan juga secara umumnya mencakupi isu-isu konvensional dan bukan konvensional seperti ekologi, hak asasi dan pembangunan sosial (Mohamed Salleh, 1999: 127). UNDP(1994) mendefinisikan keselamatan insan merangkumi dua aspek yang kritikal kepada setiap kehidupan setiap individu iaitu pertama, bebas daripada ancaman kronik seperti kebuluran, penyakit dan penindasan; dan kedua, perlindungan daripada bencana (*disaster/calamities*) yang tidak diduga dan menjelaskan cara hidup sehari-hari, sama ada di rumah, tempat kerja ataupun masyarakat. Walaupun senarai ancaman terhadap keselamatan insan adalah panjang, UNDP telah mengklasifikasikan bentuk-bentuk ancaman tersebut kepada tujuh komponen iaitu i) keselamatan ekonomi, ii) sekuriti makanan, iii) keselamatan kesihatan, iv) keselamatan alam sekitar, v) keselamatan personal, vi) keselamatan komuniti dan vii) keselamatan politik (UNDP, 1994: 22 – 25). Berpandukan konsep yang dibangunkan oleh UNDP, UNESCO (2008) telah mengembangkan bentuk-bentuk ancaman keselamatan insan kepada lapan komponen melalui penambahan elemen keselamatan budaya (UNESCO, 2008). Perincian ini menunjukkan isu sekuriti makanan adalah salah satu isu ancaman terhadap keselamatan insan tanpa mengira peringkat, sama ada di peringkat negara ataupun global.

### **Sekuriti Makanan daripada Perspektif Keselamatan Insan**

Dalam membincangkan konsep sekuriti makanan daripada perspektif keselamatan insan, terdapat beberapa idea asas yang perlu difahami. Pertama, konsep keselamatan insan mengakui kepentingan pengeluaran dan kesediaaan makanan di peringkat nasional dan global, tetapi fokus sebenar harus melangkaui perbincangan konsepsual tradisional sekuriti makanan, dengan memberi tumpuan terhadap kepentingan makanan terhadap individu atau insan. Pendekatan ini adalah selari dengan saranan UNDP (1994) supaya menilai isu ancaman di luar dari kerangka keselamatan tradisional yang terlalu sempit dan eksklusif kepada keselamatan wilayah dengan memberi penekanan yang lebih terhadap keselamatan individu.

Kedua, konsep keselamatan insan melihat jaminan sekuriti makanan lebih daripada perspektif yang berbeza, bukan sekadar tentang keselamatan, tetapi lebih dari itu sebagai sebahagian daripada elemen keadilan sosial yang menjadi hak setiap individu. Menurut CHS (2003), keselamatan insan melindungi kebebasan manusia daripada ancaman kritikal atau keadaan yang buruk, dan membina kekuatan dan aspirasi mereka. Ia bermaksud menjadi keperluan untuk mewujudkan sistem yang menyokong *survival*, maruah individu dan kehidupan mereka secara seimbang. Oleh itu, mengeluarkan manusia dari bahaya kelaparan dan kebuluran, serta menjamin sekuriti makanan untuk jangka masa panjang memerlukan pendekatan yang sangat sistematik. Di sinilah timbulnya perdebatan tentang kepentingan pembangunan manusia dan hak-hak asasi untuk memenuhi objektif keselamatan insan. Konsep keselamatan insan tidak dapat dijelmakan tanpa menyebut tentang hak asasi manusia dan tidak dapat dibayangkan kesannya tanpa kewujudan pembangunan lestari. Justeru, persekitaran yang selamat menjadi syarat untuk menikmati hak kemanusiaan. Menafikan potensi pembangunan manusia adalah menyalahi prinsip hak asasi dan boleh mencetuskan keadaan tidak selamat kepada manusia (Benedek, 2009: 13).<sup>3</sup>

Ketiga ialah makanan sebagai sebahagian daripada keperluan fisiologi setiap individu. Definisi sekuriti makanan oleh Sidang Kemuncak Makanan Dunia (1996) menjurus kepada maksud yang sama, iaitu makanan sebagai keperluan fisiologi untuk membolehkan setiap individu “hidup secara aktif dan sihat.” Disebabkan memenuhi keperluan makanan menjadi prasyarat kepada kehidupan yang sempurna, maka konsep keselamatan insan melihat ia sebagai salah satu elemen asas yang perlu dilindungi. Pandangan ini hakikatnya adalah selari dengan Artikel 25, *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR), yang menjelaskan hak setiap individu untuk menikmati taraf kehidupan yang baik, termasuklah dari aspek makanan.<sup>4</sup>

## **Latar Belakang Dasar Berhubung Sekuriti Makanan di Malaysia**

Sebelum mencapai kemerdekaan, dasar pertanian di Malaya dirangka khusus untuk memenuhi keperluan dan kepentingan British yang melakukan pengabaian terancang terhadap kepentingan domestik di negara ini, khususnya sektor pertanian. Aktiviti sektor pertanian pula dititikberatkan kepada

subsektor yang boleh menjana pendapatan besar kepada ekonomi negara koloni, iaitu pertanian khususnya tanaman komoditi ketika itu menjadi sumber penting menarik kemasukan pelaburan oleh British (Abdul Rahman, 2002). Pada masa yang sama, sektor makanan yang sinonim dengan etnik Melayu khususnya dalam pengeluaran beras dibiarkan begitu sahaja tanpa polisi, sama ada untuk membangun ataupun untuk melindunginya. Diskriminasi yang disengajakan ini telah meminggirkan sektor makanan menyebabkan penderitaan sosial seperti kemiskinan, produktiviti rendah dan tiada sebarang kemajuan (Ungku Abdul Aziz, 1964). Pendekatan British dalam tempoh ini didorong oleh tiga faktor penting, iaitu pertama, negara-negara pengeluar ketika itu menghasilkan lebihan pengeluaran menyebabkan kos import adalah jauh lebih murah berbanding penghasilan dari sektor domestik; kedua, pendapatan yang tinggi daripada sumber getah dan bijih besi memberikan kelebihan sumber, sama ada di pihak kerajaan maupun swasta; dan ketiga, kawasan-kawasan yang sesuai untuk penanaman padi kebanyakannya berada di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Johor) yang menyebabkan secara rasmi negeri-negeri ini berada di luar dari kawalan British. Keadaan ini tidak banyak berubah, sehinggahal merdeka (Mokhtar & Sahathavan, 1990).

Seperti negara-negara membangun lain, selepas mencapai kemerdekaan sekuriti makanan telah dijadikan sebagai salah satu objektif penting polisi pembangunan negara sejak tahun 1950-an lagi. Pengalaman berdepan dengan kejutan kekurangan makanan khususnya bekalan beras di Malaya ketika perang menyebabkan selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, isu sekuriti makanan dilihat dengan lebih serius. Inilah yang menjadi *impetus* kepada kerajaan untuk mula menerima secara serius pendekatan sara diri makanan sepenuhnya sebagai strategi operasional untuk menjamin bekalan makanan yang stabil dan konsisten. Fokus utama dalam pelaksanaan pendekatan sara diri makanan ini adalah lebih menjurus kepada beras yang menjadi makanan asasi majoriti penduduk negara ini (Fatimah, 1996).

Selari dengan objektif mencapai tahap sara diri makanan yang menjadi sebahagian daripada objektif strategi pembangunan negara, maka dasar yang dirangka dan dilaksanakan khususnya berkaitan dengan pembangunan sektor pertanian adalah amat kritikal. Sektor pertanian ketika ini juga adalah tonggak

penyumbang kepada kemajuan ekonomi negara. Di Malaysia, sektor pertanian dilihat memainkan peranan penting dari tiga sudut, iaitu sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara, strategi membasmi kemiskinan dan sebagai sumber utama makanan yang menjadi keperluan penduduk negara ini. Untuk memenuhi tiga objektif ini, pertanian memainkan peranan penting sebagai agen pembangunan ekonomi dan perkembangan negara (Fatimah, 2007).

Walau bagaimanapun, senario dilihat berubah menerusi peralihan kepimpinan politik negara dari semasa ke semasa. Perubahan yang amat kritikal dirasai ialah dari awal 1980-an, khususnya apabila kepimpinan negara memilih untuk memberi tumpuan kepada sektor perindustrian dan perdagangan, mengambil alih kedudukan sektor pertanian yang selama ini menjadi penyumbang terbesar ekonomi sebelum ini. Implikasi jelas daripada perubahan yang berlaku, ia turut memberi kesan kepada pengeluaran sektor makanan di negara ini dan meletakkan negara sebagai pengimport bersih makanan untuk keperluan penduduk negara ini.

Dalam tempoh 1980 hingga 2012, peralihan pucuk pimpinan negara membawa kepada perubahan besar berlaku dalam orientasi strategi pembangunan kerajaan. Dalam konteks sekuriti makanan, dasar yang diambil bukan lagi memberi tumpuan penuh kepada objektif sara diri makanan, sebaliknya berpegang kepada konsep kebergantungan diri makanan (*food self reliance*) (Larry, 2007; 2008). Berbeza dengan strategi pertama yang mengutamakan pengeluaran makanan di peringkat domestik, strategi kedua ini menekankan kepada aspek kesediaadaan (*availability*) makanan untuk penggunaan di peringkat domestik. Negara yang mengambil konsep kebergantungan makanan ini akan mengambil pendekatan menyokong proses liberalisasi pasaran dan mengutamakan pertanian berorientasi eksport dengan disokong oleh pasaran domestik yang kukuh melalui pembaharuan infrastruktur fizikal dan kemudahan kredit (Chandra & Lontoh, 2010; Kent, 2002). Inilah antara langkah yang diambil oleh Malaysia. Kerajaan telah mengambil langkah menetapkan sasaran sara diri kepada tahap pengeluaran tertentu, yang kebiasaannya sekitar 60 ke 70 peratus, dan selebihnya dipenuhi sumber import dari pasaran antarabangsa, khususnya dalam kalangan negara jiran yang merupakan antara pengeksport terbesar beras dunia.

Perubahan besar ini dilakukan adalah antara lain, dijustifikasikan faktor pertumbuhan ekonomi yang meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan yang besar, dengan nilai dagangan melebihi RM1 trilion sejak tahun 2006 (Larry, 2007). Keadaan yang selesa ini tidak mengejutkan jika didapati kerajaan masih memilih untuk kekal sebagai pengimport bersih beras dan makanan lain, seperti yang tercatat dalam kerangka polisi kerajaan mutakhir ini, khususnya dalam tempoh kajian iaitu dari 1980 hingga 2012 walaupun mendapat dikritik oleh banyak pihak. Ada antaranya yang berpandangan bahawa pendekatan ini banyak memberi kesan negatif kepada sektor pertanian dan pengeluaran makanan dalam negara secara khusus.

Polisi ini dimaktubkan dalam kesemua dokumen Rancangan Malaysia bagi setiap lima tahun (1980), Dasar Pertanian Negara (1 hingga 4), Dasar Jaminan Makanan (2008) dan Model Baru Ekonomi Malaysia (Sektor Pertanian) dan Dasar Agromakanan Negara (DAN) (2011 – 2020). Cuma, dalam konteks semasa, strategi berhubung sekuriti makanan telah dilaksanakan dalam spektrum yang lebih meluas daripada campur tangan kerajaan dalam pasaran kepada penyediaan jaringan keselamatan (*safety net*) untuk masyarakat. Antara langkah besar yang diperkenalkan akhir-akhir ini ialah Program SUBUR. Ia adalah salah satu langkah rasionalisasi subsidi yang dilakukan oleh kerajaan yang secara khusus menyasarkan bantuan kepada golongan kurang bernasib baik di negara ini supaya kepentingan mereka turut dibela, termasuk dari aspek keperluan makanan.

Perubahan inilah yang meletakkan Malaysia dalam kondisi sekarang, iaitu dengan pola penurunan pengeluaran sektor pertanian secara umum, pertumbuhan sektor makanan yang kurang memberangsangkan, dan peningkatan pergantungan import makanan yang berterusan dari tahun ke tahun (Fong, 1989). Jika elemen-elemen ini diambil kira, tahap sekuriti makanan di negara ini masih tidak terjamin, begitu juga aspek keselamatan insan iaitu keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

## **Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data primer dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual secara mendalam ke atas responden daripada kalangan golongan pembuat

dasar kerajaan dan pembangkang, golongan pakar dalam kalangan ahli akademik dan penyelidik, dan pegawai-pegawai serta individu berautoriti dari kementerian terbabit, wakil-wakil institusi kerajaan dan orang awam di negara ini. Temu bual dilakukan secara semistruktur, dan soalan-soalan dikelompokkan berdasarkan beberapa tema<sup>5</sup> iaitu pertama, sekuriti makanan sebagai satu isu ancaman; kedua, kesan globalisasi terhadap sekuriti makanan dan impaknya kepada keselamatan insan, dan ketiga; dasar dan strategi untuk mengatasi ancaman sekuriti makanan.

Antara individu atau wakil agensi yang berjaya ditemu bual ialah bekas Perdana Menteri, bekas Timbalan Menteri Kewangan Malaysia, bekas Timbalan Gabenor Bank Negara yang mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS), pegawai atasan Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MOA), *Malaysia Agricultural Research and Development Institute* (MARDI), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS). Untuk mengukuhkan kajian ini, temu bual juga dilakukan terhadap individu pakar dalam kajian sekuriti makanan dari kalangan ahli akademik. Pendekatan temu bual secara semi struktur dipilih kerana ia memberikan kesan positif dari sudut kebebasan subjek untuk memberi pandangan mereka secara bebas, dan mendalam mengenai sesuatu isu yang diketengahkan (Stake, 1995; Yin, 1994). Soalan temu bual yang dikemukakan adalah berbentuk semi struktur, dan jangka masa panjang temu bual adalah sekitar 45 minit hingga 2 jam setengah bergantung kepada kesediaan subjek yang ditemu bual. Temu bual dilakukan oleh pengkaji secara sendiri, dan rakaman perakam digital juga telah dilakukan sepanjang temu bual dijalankan. Proses transkripsi dilakukan oleh pengkaji dan juga pembantu kajian, dengan pengkaji sendiri memainkan peranan untuk memastikan kesahihan data yang ditranskrip di peringkat akhir. Analisis kandungan temu bual dilakukan menggunakan perisian NVivo, dan proses identifikasi ekspresi atau konsep dalam teks secara umumnya dilakukan dengan melihat struktur ayat atau perenggan yang kemudiannya dikodkan mengikut tema yang tertentu seperti di atas. Untuk tujuan penulisan ini, hanya beberapa isu yang cuba dikeluarkan daripada dapatan analisis kandungan ke atas semua temu bual diperjelas secara ringkas.

Pengumpulan data primer juga dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan kajian dokumen, membabitkan sorotan terhadap dokumen-dokumen rasmi polisi, laporan mesyuarat, teks-teks ucapan dan lain-lain. Sementara data sekunder diperoleh melalui kajian kepustakaan yang meliputi buku, jurnal, dokumen dan sumber-sumber daripada media cetak dan elektronik.

## **Hasil Kajian**

Perbincangan tentang dapatan kajian memfokuskan kepada beberapa isu asas berkaitan dengan dasar-dasar berhubung sekuriti makanan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam tempoh 1981 hingga 2012 ini. Dapatkan kajian berhubung impak pelaksanaan dasar ini boleh diringkaskan kepada empat tema yang mendasari permasalahan berkaitan sekuriti makanan di negara ini, iaitu; i) ketiadaan suatu dasar yang konkret dan komprehensif; ii) pelaksanaan dasar pembangunan yang tidak seimbang, secara khusus bermula dari tahun 1980-an yang mengabaikan pembangunan sektor pertanian, khususnya tanaman makanan; iii) pelaksanaan dasar dan strategi berhubung sekuriti makanan yang tidak konsisten di peringkat nasional; dan, iv) faktor globalisasi dan liberalisasi menjadikan isu sekuriti makanan bertambah serius.

### **i. Ketiadaan suatu dasar sekuriti makanan yang konsisten dan komprehensif**

Isu ketiadaan dasar yang khusus untuk sekuriti makanan adalah isu besar yang ditimbulkan oleh para informan, terutama dalam kalangan golongan pakar. Dalam konteks semasa, tahap sekuriti makanan di Malaysia dikaitkan dengan tahap sara diri yang dihubungkan dengan rancangan pembangunan (RMK) dan Dasar Pertanian Negara (DPN). Kedua-dua dasar ini mewakili kerangka umum dasar pembangunan negara tanpa merujuk kepada sektor makanan secara khusus. Dapatkan menunjukkan bahawa isu ini cukup kritikal kepada sekuriti makanan di negara ini kerana menyebabkan banyak isu tidak dapat diselesaikan membabitkan isu tanah, perebutan tanah (*land grab*), insentif, subsidi, stok simpanan makanan dan banyak lagi. Lebih malang, ketiadaan dasar yang khusus menyebabkan kerajaan lebih cenderung mewujudkan dasar yang bersifat jangka pendek, reaktif dan berdasarkan masalah, yang

mengakibatkan kos yang tinggi (Mansor, temu bual, 15 Ogos 2012). Contoh yang paling hampir ialah Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) (2008 – 2010) yang melibatkan kos keseluruhan mencecah RM4 bilion. Dapatkan kajian juga menunjukkan senario sebenar keperluan negara kepada satu dasar yang komprehensif, jangka panjang dan proaktif kerana melihat kepada isu sekuriti makanan yang semakin menonjol di peringkat global.

Dalam isu membabitkan industri kereta dan automobil, walaupun Malaysia secara terang tidak mempunyai kelebihan komparatif, industri automotif adalah tertakluk kepada Dasar Automotif Nasional (DAN) yang diwujudkan pada tahun 2006. Dalam konteks sekuriti makanan secara khusus, walaupun ia adalah suatu sektor yang sangat penting kepada kelangsungan dan kesejahteraan insan dan kestabilan negara, sejak Malaysia mencapai kemerdekaan sehingga tahun 2012, negara belum pernah mempunyai satu dasar sekuriti makanan jangka panjang yang khusus seperti sektor lain. Keadaan ini amat sukar untuk diterima (Rosli, temu bual, 2 April 2012; Asan Ali, temu bual, 31 Mei 2011). Dalam situasi sektor pertanian makanan berdepan dengan isu kurang daya saing sedangkan permintaan terus meningkat, tiada satu langkah untuk mewujudkan satu kerangka polisi yang konsisten. Impaknya yang amat ketara ialah pelbagai isu membabitkan sektor pertanian makanan khususnya tidak mampu diselesaikan dengan baik seperti isu saiz tanah, pengambilan tanah pertanian untuk pembangunan sektor lain dan sebagainya. Keadaan ini juga mendorong wujudnya masalah konsistensi dalam pelaksanaan dasar yang sebenarnya berpunca daripada masalah ketiadaan satu kerangka dasar yang jelas mengenai sekuriti makanan (Mansor, temu bual, 15 Ogos 2012). DPN pula adalah lebih menjurus kepada pertanian yang secara umum lebih mementingkan tanaman eksport seperti kelapa sawit dan getah (Asan Ali, temu bual, 31 Mei 2011).

Dalam hal ini, satu dasar yang komprehensif dan konkret amat penting kerana sepatutnya ia akan berfungsi menjadi rangka rujuk dalam pelaksanaan strategi untuk sekuriti makanan di negara ini. Pelaksanaan dasar ini seharusnya mensasarkan matlamat menjaga kepentingan umum sebagai objektif utama. Menurut Pazim (temu bual, 21 dan 23 Mei 2011),

“....[sekiranya inginkan] keuntungan, baik tak payah tanam padi, hapuskan kawasan [penanaman] padi untuk buat [kawasan perumahan], atau pembangunan. Ini bermaksud, pemberian insentif juga adalah menjadi sebahagian daripada operasi [dasar] sekuriti makanan di Malaysia.”

## **ii. Pelaksanaan dasar pembangunan yang tidak seimbang**

Perbincangan tentang pengabaian sektor pertanian khasnya sektor makanan, hal yang mendorong persoalan mengenai isu sekuriti makanan di Malaysia adalah bertitik tolak daripada faktor kelebihan komparatif yang digunakan oleh kerajaan, dengan menekankan sektor-sektor ekonomi tertentu seperti perindustrian, perkhidmatan dan juga tanaman komoditi industri/eksport dalam sektor pertanian.

Perubahan pada skala yang besar ini dapat dilihat dengan ketara bermula pada awal 1980-an, dan diteruskan oleh pentadbiran berikutnya walaupun ada sedikit perubahan dilakukan. Namun begitu, impak pengabaian ini amat besar. Kedudukan dan sumbangan sektor pertanian dalam ekonomi negara menjadi semakin mengecil, perkembangan pengeluaran sektor makanan yang terhenti, pelaburan rendah, tahap guna tanah yang semakin berkurangan dan lain-lain lagi. Lebih kritikal ialah bila tahap *Self Sufficiency Level* (SSL) ditetapkan pada kadar yang rendah kerana kesediaan menerima import dari luar dengan harga yang rendah adalah pendorong kepada perpindahan tenaga buruh dan pengambilan kawasan tanah tanaman makanan untuk tujuan pembangunan atau kepentingan sektor-sektor lain.

Tidak dinafikan, menurut teori perdagangan, pembukaan kepada pasaran luar akan mendapat manfaat daripada harga makanan, khususnya beras pada harga yang kompetitif. Ironinya, hal ini membawa penurunan tahap SSL untuk makanan dan akan meningkatkan tahap kebergantungan kepada bekalan makanan dari sumber import yang menjadikan bekalan makanan dalam negara menjadi kurang selamat disebabkan pendedahan kepada ketidaktentuan pasaran (Tetsuji & Nabuhiro, 2008).

Dapatan temu bual juga menunjukkan majoriti informan melihat bahawa dasar pembangunan di negara ini telah mengabaikan sektor pertanian, khususnya makanan secara sengaja dengan mengutamakan kepada sektor lain yang memberikan hasil bersifat segera seperti penanaman kelapa sawit. Pengabaian seperti ini tidak sepatutnya berlaku kerana ada negara lain seperti Belanda dan Jerman, walaupun sangat terkehadapan dari sudut industri, tetapi juga merupakan sebuah negara yang sangat cemerlang dari sudut pertanian (Afifuddin, temu bual, 27 dan 30 Jun 2011; Rosli, temu bual, 2 April 2012; Fatimah, temu bual, 19 Mei 2011).

Keadaan sebaliknya jika dilihat berlaku di Malaysia yang menyaksikan pengabaian mengakibatkan pertumbuhan yang tidak seimbang khususnya dari awal 1980-an sehingga kini. Kesannya, kita mengalami defisit import makanan yang semakin membesar saban tahun, dengan hanya berkemampuan mengeluarkan secara sepenuhnya untuk sesetengah produk makanan sahaja (Fatimah, temu bual, 19 Mei 2011). Amat malang lagi, pengabaian yang dilakukan secara terancang ini memberi impak yang lebih kritikal dari sudut pembangunan teknologi dan kepakaran sehingga menjadikan Malaysia yang suatu ketika dulu adalah di antara negara rujukan dalam sektor pertanian, sekarang semakin ketinggalan. Keadaan ini dapat dilihat apabila agensi yang dipertanggungjawabkan untuk tujuan penyelidikan tidak mampu menggunakan peruntukan yang diberi kerana ketiadaan kepakaran menjalankan penyelidikan untuk tujuan tersebut (Tengku Mohd Ariff, temu bual, 15 julai 2011).

Perbincangan mengenai aspek pengabaian ini dilihat sebaliknya oleh hanya dua informan yang ditemui. Dalam konteks ini, dasar pembangunan di Malaysia menurut beliau adalah dasar yang seimbang, dan tiada istilah pengabaian dilakukan (Roziah Abudin, temu bual, 20 Mei 2011). Tun Dr Mahathir, mantan perdana menteri Malaysia 1981 hingga 2003, pula menjustifikasi pelaksanaan dasar yang menjurus kepada perindustrian berbanding sektor pertanian sebagai satu kaedah yang membolehkan rakyat keluar dari kancah kemiskinan, melalui usaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan terutama di sektor-sektor industri, yang akhirnya diterjemahkan dalam bentuk peningkatan capaian ekonomi terhadap makanan (Mahathir Mohamad, temu bual, 8 Februari 2012). Pandangan ini walaupun ada

benarnya, tetapi ada juga kekurangannya. Impak sektor perindustrian terhadap sektor pertanian juga adalah besar, terutama kepada perpindahan tenaga kerja dari sektor pertanian yang tidak lagi kompetitif kepada sektor perindustrian, mengakibatkan hari ini majoriti umur tenaga kerja di sektor pertanian dalam kalangan penduduk tempatan adalah berumur 60 tahun ke atas (Tengku Mohd Ariff, temu bual, 15 Julai 2011), yang selebihnya dipenuhi oleh buruh-buruh asing. Timbul pula persoalan lain, adakah sekuriti makanan di Malaysia terjamin dengan kehadiran tenaga kerja dari kalangan buruh asing? (Tengku Mohd Ariff, temu bual, 15 Julai 2011).

Dalam melihat persoalan ini, pengkaji berpandangan bahawa pengabaian sektor pertanian/makanan tidak sepatutnya berlaku. Pengabaian yang berterusan, tanpa suatu langkah konkret dilakukan akan menyebabkan pembangunan sektor pertanian terus diketepikan. Dalam jangka masa pendek, mungkin langkah ini boleh dilihat menarik dan ekonomikal, tetapi ia berlaku sebaliknya dalam jangka masa panjang kerana akhirnya situasi ini akan mendorong kepada kebergantungan import yang lebih serius, sekali gus boleh menjelaskan keselamatan insan dan secara tidak langsung, juga keselamatan negara. Keselamatan negara di sini bermaksud keutuhan wilayah, kedaulatan, kelangsungan hidup dan kestabilan dan keharmonian rakyat dan negara.

### **iii. Pelaksanaan dasar dan strategi berhubung sekuriti makanan yang tidak konsisten di peringkat nasional**

Di Malaysia, pembentukan dasar juga diakui dipengaruhi oleh perubahan pucuk kepimpinan yang menerajui negara. Beralih atau bertukar kepimpinan, akan diikuti dengan perubahan dasar atau pendekatan yang akan diketengahkan. Keadaan ini turut memberi kesan besar kepada sektor pertanian. Perubahan yang paling besar pastinya dengan bermula dari era 1980-an, apabila Dr Mahathir memegang tumpukan pentadbiran kerajaan, apabila perindustrian dan tanaman industri menjadi tumpuan utama kerajaan. Ia merupakan perubahan besar yang dilakukan oleh kerajaan kerana pada era sebelumnya, kerajaan mengambil pendekatan dan strategi sara diri makanan sepenuhnya untuk pengeluaran padi, rentetan daripada impak krisis pada pertengahan tahun 1970-an walaupun tidak berjaya sepenuhnya untuk mencapai SSL yang ditetapkan (Rosli Yaakop, temu bual, 2 April 2012). Ketika inilah juga

berlakunya proses penukaran status tanah padi kepada kawasan perindustrian dan penempatan secara besar yang ketara seperti yang terjadi di Pulau Pinang dan Kedah, walaupun negara menunjukkan prestasi yang baik dari sudut komoditi eksport (Rosli Yaakop, temu bual, 2 April 2012).

Perubahan tumpuan kerajaan dalam tempoh ini adalah amat besar. Sebagai contoh, perubahan dasar turut membawa kepada penutupan bidang pengajian ekonomi pertanian di institusi pengajian tinggi seperti di Universiti Putra (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ia adalah perubahan besar di Malaysia. Universiti Pertanian Malaysia telah ditukar kepada Universiti Putra Malaysia, sedangkan asalnya adalah sebuah universiti pertanian. Di UKM, perkara yang sama berlaku, dan yang tinggal sekarang hanya bidang ekonomi, tiada lagi bidang *niche* membabitkan kepakaran di bidang pertanian. Keadaan ini amat merugikan jika dilihat kepada kedudukan negara sebelumnya yang menjadi tempat rujukan dalam kajian mengenai pertanian di rantau ini (Fatimah, temu bual, 19 Mei 2011). Kesan daripadanya juga, Malaysia amat kurang pakar dalam bidang agroekonomi, dengan kebanyakan daripada generasi yang ada sekarang berumur lebih dari 50 tahun (Tengku Mohd Ariff, temu bual, 15 Julai 2011), sedangkan proses menghasilkan seorang yang pakar akan mengambil masa yang lama.

Perubahan orientasi ini jika berlaku secara konsisten atas alasan sektor makanan tidak mempunyai kelebihan komparatif, adalah tidak menjadi ralat. Malangnya, praktik konsep kelebihan komparatif ini tidak berlaku secara konsisten. Hal ini berlaku jika dibandingkan dengan industri automobil. Industri automobil merupakan antara industri yang menerima perlindungan paling tinggi di Malaysia, melalui perlindungan cukai dan pelbagai insentif lain walaupun tidak kompetitif, dan rakyat negara ini sebenarnya boleh mendapatkan motokar dengan harga yang jauh lebih murah di pasaran antarabangsa, berbanding kadar harga yang dikenakan sekarang (Rosli, temu bual, 2 April 2012). Jika melihat kepada keadaan ini, sepatutnya kekurangan kelebihan komparatif untuk sektor makanan tidak menjadi isu besar, memandangkan kepentingan makanan kepada individu dan kestabilan negara. Kenapa perkara yang sama tidak berlaku kepada industri makanan yang memerlukan sokongan besar untuk meningkatkan daya saingnya? (Rosli, temu bual, 2 April 2012).

Perkara yang sama wujud dan berlaku sehingga ke peringkat kementerian, membabitkan pertukaran pemimpin dan pentadbiran di peringkat kementerian, sedangkan dasar sebenar untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian tidak menghasilkan impak yang besar. Kementerian Pertanian telah mengalami beberapa kali pertukaran setiap kali bertukar pentadbiran kerajaan. Sedangkan, apa yang sebenarnya amat diperlukan ialah suatu polisi yang konkret secara khusus untuk sekuriti makanan, yang tidak berubah-ubah untuk jangka masa yang panjang, bukan bertukar mengikut kepimpinan yang baru dilantik (Pazim, temu bual, 21 dan 23 Mei 2011).

Jika melihat kepada perkara ini secara serius, konsistensi dalam pelaksanaan dasar adalah amat perlu, tetapi malangnya ia sukar untuk berlaku. Dapatan temu bual menunjukkan majoriti pakar menyokong pandangan ini. Pertama dari sudut dasar yang konsisten walaupun bertukar kepimpinan. Kedua, konsistensi dari sudut pelaksanaan dasar berbanding sektor lain yang turut diberikan perhatian walaupun hakikatnya tiada kelebihan komparatif padanya seperti kes sektor automobil di Malaysia. Jika keadaan seperti ini berterusan berlaku, dikhawatirkan akan menjelaskan sektor pertanian khususnya makanan, sedangkan keperluannya meningkat saban tahun dan dasar yang wujud tidak mampu mencapai sasaran yang ditetapkan kerana masalah seperti di atas.

#### **iv. Impak negatif globalisasi dan liberalisasi terhadap sekuriti makanan**

Globalisasi dan liberalisasi menyebabkan berlaku kesan limpahan daripada tindakan, sama ada individu atau negara, atau elemen-elemen yang bersifat natural seperti isu alam sekitar seperti pencemaran rentas sempadan, bencana dan pemanasan yang bersifat global. Krisis ekonomi juga boleh membawa kepada krisis kewangan ke atas ekonomi negara-negara lain, kenaikan harga minyak, peningkatan permintaan terhadap biofuel, konflik, perpeperangan dan spekulasi adalah di antara isu global yang bersifat rentas sempadan yang memberi kesan kepada sekuriti makanan di sesebuah negara. Kesan limpahan berlaku kerana impaknya berada di luar kawalan sesebuah negara, masyarakat atau individu, antara lain disebabkan oleh kewujudan saluran interaksi dan medium perantaraan yang pelbagai (Beachy, 2011; Benson *et al.*, 2008; Braun,

2005; Brown, 2011; Chand, 2008; Conceição & Mendoza, 2009; Cribb, 2010, 2011; Holt-Gimenez & Shattuck, 2011).

Kebergantungan kepada pasaran untuk memenuhi keperluan import makanan dalam negara walaupun dalam situasi pasaran berfungsi secara sempurna masih tidak dapat menjamin sekuriti makanan sepenuhnya. Hal ini disebabkan ketidaktentuan yang masih wujud terutama dalam isu beras. Beras secara umumnya didagangkan secara tipis di peringkat antarabangsa, walaupun ia adalah makanan ruji majoriti penduduk di Asia, iaitu mewakili hanya 6.5 peratus daripada penggunaan. Bermaksud, kebanyakan negara mengambil tindakan mewujudkan dasar sara diri beras bagi menghadapi ketidaktentuan harga semasa berlaku kekurangan pengeluaran. Keadaan ini berbeza jika dibandingkan dengan nilai dagangan gandum dengan jumlah 18 peratus daripada penggunaan keseluruhan, jagung sebanyak 12 peratus dan kacang soya sebanyak 35 peratus. Selain perdagangan beras yang tipis, satu lagi disebabkan oleh struktur penting pengeluaran dan penggunaan yang berpusat di Asia. Lebih 90 peratus daripada pengeluaran dan penggunaan berlaku di Asia, iaitu hampir dua per tiga hanya berpusat di tiga buah negara iaitu China, India dan Indonesia. Sebanyak 40 peratus beras di Asia juga ditanam bergantung kepada faktor hujan semula jadi, menyebabkan cuaca monsun memberi impak besar kepada perdagangan beras keseluruhannya (Mendoza, 2009; Wailes, 2005).

Secara umumnya, dapatan menunjukkan bahawa majoriti informan bersetuju tentang sensitiviti kebergantungan negara boleh menjelaskan keselamatan insan dan kestabilan negara. Kewujudan isu-isu dan kesan limpahan yang bersifat global memberi impak kepada sekuriti makanan kerana faktor ketidaktentuan dan gangguan yang tercetus, terutama dalam ekonomi yang berasaskan pasaran seperti Malaysia. Dapatan daripada siri temu bual selari dengan pandangan oleh penyelidik-penyalidik lepas.

Dapatan ini memperkuatkan pandangan bahawa isu sekuriti makanan adalah lebih terjejas dalam konteks globalisasi kerana ketidaktentuan yang dimanifestasikan melalui kewujudan pelbagai faktor yang bersifat alami dan juga buatan manusia. Kebergantungan dan pendedahan kepada pasaran menjadikan isu sekuriti makanan lebih kritikal kerana keselamatan insan

antaranya akan terancam disebabkan oleh pergantungan sumber, dalam isu ini, bekalan makanan (Barnett & Adger, 2007).

## **Cadangan**

Kajian ini seterusnya mencadangkan beberapa pendekatan untuk menjamin keselamatan insan dari aspek sekuriti makanan.

Pertama, Malaysia perlu mewujudkan suatu dasar sekuriti makanan yang konkret dan bersifat jangka panjang membabitkan pembangunan sektor makanan di negara ini. Ia harus mengambil kira keperluan penduduk di negara ini yang semakin meningkat dan suasana persekitaran politik, ekonomi dan iklim dunia yang tidak menentu.

Kedua, pembangunan yang seimbang dan bersifat lestari harus diperkasakan. Pembangunan yang tidak seimbang hanya akan mengakibatkan kerugian kepada negara yang sebenarnya kaya dengan sumber untuk dimanfaatkan demi kesejahteraan dan jaminan keselamatan insan. Pendekatan ini mampu menjamin penggunaan sumber dengan faedah yang optimum dan juga mampu memelihara sumber yang ada untuk kegunaan generasi akan datang.

Ketiga, penerimaan konsep kelebihan komparatif perlu bersifat selektif, terutama dalam menangani isu sekuriti makanan. Penerimaan konsep kelebihan komparatif secara melulu hanya akan menyebabkan pengeluaran makanan di peringkat domestik terus merosot, secara tidak langsung juga meningkatkan tahap kebergantungan kepada pasaran dan menjadi isu ancaman kepada keselamatan insan di negara ini. Pengalaman dalam menghadapi krisis menunjukkan negara-negara pengeksport makanan akhirnya turut mengambil pendekatan menjaga kepentingan negara masing-masing dengan menghalang atau mengurangkan eksport bekalan makanan ke luar.

Isu ancaman ketidakjaminan makanan yang sering kali mencetuskan kebimbangan, didorong oleh pelbagai faktor sepatutnya dilihat serius oleh pelbagai pihak. Dengan mengambil kira berbagai-bagai isu berhubung sekuriti makanan yang dibincangkan secara umum di peringkat antarabangsa, sudah

sewajarnya suatu bentuk dasar yang komprehensif diwujud dan dilaksanakan di Malaysia. Pengalaman sejarah menunjukkan bahawa kesejahteraan manusia yang terjejas dari sudut sekuriti makanan hanya akan membawa kepada kestabilan yang boleh menggugat keselamatan sesebuah negara.

## Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa kelemahan pelaksanaan dasar berhubung sekuriti makanan di Malaysia telah menyumbang kepada kewujudan isu-isu sekuriti makanan di negara ini, sekali gus turut menjelaskan keselamatan insan. Kewujudan keadaan seperti ini adalah disebabkan oleh ketiadaan suatu dasar yang komprehensif dan konkret menyebabkan pelbagai isu berkaitan pembangunan sektor pertanian khususnya sektor makanan tidak dapat diatasi dengan berkesan.

Pendekatan kerajaan dalam memilih konsep kelebihan komparatif atau berbanding dengan mengutamakan pembangunan sektor-sektor ekonomi secara yang tidak seimbang dan konsisten telah menyebabkan keadaan menjadi lebih buruk yang telah dimanifestasikan secara jelas ketika negara berdepan dengan krisis makanan pada tahun 2008 yang lalu. Pendekatan yang tidak konsisten dalam pelaksanaan dasar membabitkan pembangunan sektor makanan berbanding sektor-sektor lain yang lebih mampu menawarkan keuntungan segera juga turut mengakibatkan suasana keterancaman menjadi lebih ketara. Faktor globalisasi dengan impak kesan limpahan menyebabkan masalah sekuriti makanan di negara ini lebih terdedah kepada ketidaktentuan kebergantungan dengan pasaran yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Hasil kajian menunjukkan bahawa suatu langkah yang serius perlu dilakukan untuk memperbetulkan ketidakseimbangan pertumbuhan khususnya dalam sektor makanan. Isu ancaman sekuriti makanan di Malaysia walaupun bersifat *transitory* dan tidak menjadi masalah serius di Malaysia seperti yang dialami oleh negara-negara lain, kewujudan isu-isu dasar yang dibincangkan di atas sekiranya tidak diberikan perhatian, boleh membawa kepada kemunculan isu ancaman yang lebih serius terhadap keselamatan insan. Suatu bentuk dasar yang serius, konkret dan komprehensif adalah amat perlu untuk mengatasi

pelbagai masalah yang sedang dialami oleh sektor pertanian khususnya sektor makanan. Kewujudan dasar khusus yang bersifat jangka panjang membuktikan keutamaan kerajaan untuk mengatasi masalah membabitkan sekuriti makanan di negara ini.

## **Nota**

- <sup>1</sup> Bakri Mat adalah pelajar di peringkat Ph.D di Program Strategi dan Hubungan Antarbangsa, UKM dan pensyarah di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), UUM; Zarina Othman (Ph.D) ialah Profesor Madya dan Ketua di Program Strategi dan Hubungan Antarbangsa; dan Rashila Ramli (Ph.D) ialah Profesor dan Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, UKM.
- <sup>2</sup> Konsep keselamatan insan di rantau Asia Tenggara khususnya mengambil kira elemen keselamatan dari dalam, iaitu bebas dari ketakutan (*freedom from fear*) dan juga, keperluan terhadap pembangunan manusia untuk memenuhi elemen kebebasan dari kemauhan (*freedom from want*) seperti selari dengan idea yang digagaskan oleh UNDP. Masyarakat memerlukan keselamatan sosial yang munasabah sebagai contoh jaminan dari sudut keselamatan sosial dan ekonomi untuk lebih berdaya maju (Rashila, Zarina, Nor Azizan & Sity, 2012). Penggunaan konsep ini amat sesuai dengan perbincangan tentang isu sekuriti makanan kerana ia adalah sebahagian daripada keperluan asas kehidupan setiap insan di mana sahaja mereka berada.
- <sup>3</sup> Persoalan ini telah dibincangkan panjang lebar oleh beberapa akademia seperti Kaldor, Amartya Sen dan lain-lain lagi.
- <sup>4</sup> Artikel ini telah diterima secara rasmi melalui Resolusi Perhimpunan Agung PBB, 217 A (III ) pada 10 Disember 1948.
- <sup>5</sup> Kaedah ini dipilih oleh pengkaji di bidang Sains Sosial untuk melihat hubungan antara tema dan ekspresi yang ditunjukkan dalam teks, tetapi menggunakan pelbagai istilah lain seperti kategori, kod, label dan sebagainya.

## **Rujukan**

- Abdul Rahman Embong. (2002). *State-led modernization and the new middle class in Malaysia*. Hounds mills: Palgrave.
- Afifuddin Omar. (2011). Sekuriti makanan sebagai ancaman terhadap keselamatan insan di Malaysia. Kedah dan Kuala Lumpur. Temu bual. 27 dan 30 Jun.
- Alkire, S. (2003). *A conceptual framework for human security*. Center for Research on Inequality, Human Security and Ethnicity (CRISE), Queen Elizabeth House, University of Oxford, Working Paper #2. Dilayari daripada [www.crise.ox.ac.uk/pubs/workingpaper2.pdf](http://www.crise.ox.ac.uk/pubs/workingpaper2.pdf) pada 15 Ogos 2010.
- Asan Ali Golam Hassan. (2011). Sekuriti makanan sebagai ancaman terhadap keselamatan insan di Malaysia. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Temu bual, 31 Mei.
- Barnett, J. & Adger, W. N. (2007). Climate change, human security and violent conflict. *Political Geography*, Vol. 26 (6): hlm. 639 – 655.
- Beachy, B. (2011). The coming food crisis: Trading away security. *Harvard Kennedy School Review*, Vol. 11: hlm. 105.

- Benson, T., Minot, N., Pender, J., Robles, M. & Braun, J. V. (2008). *Global food crises: Monitoring and assessing impact to inform policy responses*. Issue Brief 55 (October 2008). Washington: International Food Policy Research Institute (IFPRI).
- Braun, J. V. (2005). *The world food situation: An overview*. Washington: IFPRI.
- Brown, L. R. (2011). The food issue: The new geopolitics of food. *Foreign policy (Food Security Issues)*. May – June 2011, hlm. 54 – 62.
- Chand, R. (2008). The global food crisis: Causes, severity and outlook. *Economic & Political Weekly*. June 28.
- Chandra, A. C. & Lontoh, L. A. (2010). *Regional food security and trade policy in Southeast Asia: The role of ASEAN*. Manitoba, Canada: International Institute for Sustainable Development.
- CHS. (2003). *Human security now: Final report*. New York: Commission on Human Security (CHS).
- Conceição, P. & Mendoza, R. U. (2009). Anatomy of the global food crisis. *Third world quarterly*, 30 (6): hlm. 1159 – 1182.
- Cribb, J. (2010). *The coming famine: The global food crisis and what we can do to avoid it*. London: University of California Press.
- Cribb, J. (2011). Food security: What are the priorities? *Food security*, 3 (2): hlm. 123 – 125.
- FAO. (2010). *The state of food insecurity in the world 2010: Addressing food insecurity in protracted crises*. Rome: World Food Organization (WFO) & FAO.
- Fatimah Mohamed Arshad. (2011). Sekuriti makanan sebagai ancaman terhadap keselamatan insan di Malaysia. Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putera Malaysia, Selangor. Temu bual. 19 Mei.
- Fatimah Mohamed Arshad. (1996). Food security. Dlm. Jomo K. S. & Ng Suew Kiat (pnyt). *Malaysia's economic development: Policy and reform*, hlm. 107 – 130. Selangor: Pelanduk Publications.
- Fatimah Mohamed Arshad. (2007). The agricultural development path in Malaysia. Dlm. Fatimah Mohamed Arshad, Nik Mustapha Raja Abdullah, Kaur, B. & Amin Mahir Abdullah (Pnyt). *50 years of Malaysian Agriculture: Transformational Issues, Challenges and Direction*. Hlm. 3 – 46. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia Press
- Fong, Chan Onn. (1989). *The Malaysian economic challenge in the 1990s: Transformation for growth*. Singapore: Longman.
- Fukuda-Parr, S. & Messineo, C. (2012). *Human security: A critical review of the literature*. CRPD Working Paper No. 11, January 2012 (Leuven: CRPD, 2012).
- Holt-Gimenez, E. & Shattuck, A. (2011). Food crises, food regimes and food movements: Rumblings of reform or tides of transformation? *Journal of Peasant Studies*, Vol. 38 (1): hlm. 109 – 144.

- Kent, G. (2002). Africa's food security under globalization. *African Journal of Food, Agriculture, Nutrition and Development*, Vol. 2 (1): hlm. 22 – 29.
- Larry, C.Y. Wong. (2008). Malaysian food security revisited. *MoA-UPM-ISIS Seminar on "New strategies towards food security in Malaysia."* Anjuran ISIS & UPM. Putrajaya, 14th July 2008.
- Larry, C.Y. Wong. (2009). Food security and growth: Malaysia's strategic approach and future adjustments. Dlm. Soh Aik Chin & Yong Hoi Sen (Pnyt). *Food Security Malaysia*, hlm. 55 – 67. Kuala Lumpur: Akademi Sains Malaysia.
- Mahathir Mohamad. (2012). Sekuriti makanan sebagai ancaman terhadap keselamatan insan di Malaysia. Temu bual, Yayasan Perdana, Putrajaya. Temu bual, 8 Februari.
- Mansor Mohd Noor. (2012). Isu sekuriti makanan di Malaysia. Institut Kajian Etnik [KITA], UKM, Selangor. Temu bual. 15 Ogos.
- Martin, A. (2008). Fuel choices, food crisis and finger-pointing. *New York Times*. 15 April 2008. Dilayari daripada <http://www.nytimes.com/2008/04/15/business/worldbusiness/15food.html> pada 16 April 2012.
- Mendoza, R. U. (2009). A proposal for an Asian rice insurance mechanism. *Global Economy Journal*, Vol. 9 (1): 39.
- Mohamed Salleh, M. A. (1999). The horn of Africa: Security in the new world order. Dlm. Caroline Thomas & Peter Wilkin (Pnyt.). *Globalisation, human security and the African experience*. Boulder: Lynne Reinner Publications.
- Mokhtar Tamin & Sahathavan, Meyanathan. (1990). Rice market intervention system in Malaysia: Scope, effects and the need to reform. Dlm. Faculty of Economics and Administration University of Malaya (Pnyt). *Issues and Challenges for National Development*, hlm. 45 – 86. Kuala Lumpur: Faculty of Economics and Administration, University of Malaya.
- Pazim Othman. (2011). Sekuriti makanan sebagai ancaman terhadap keselamatan insan di Malaysia. UUM, Sintok, Kedah. Temu bual. 23 dan 25 Mei.
- Rashila Ramli, Zarina Othman, Nor Azizan Idris & Sity Daud. (2012). Towards a modified approach to human security in Southeast Asia - A perspective from Bangi. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 20 (3): hlm. 577 – 588.
- Rosli Yaakop. (2012). Sekuriti makanan sebagai ancaman terhadap keselamatan insan di Malaysia. Subang Jaya, Selangor. Temu bual, 2 April.
- Roziah Abudin. (2011). Sekuriti makanan sebagai ancaman terhadap keselamatan insan di Malaysia. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Putrajaya. Temu bual, 20 Mei.
- Stake, R. (1995). *The art of case study research*. Thousand Oaks, London. New Delhi: SAGE Publication.
- Tengku Mohd Ariff Tengku Ahmad. (2011). Sekuriti makanan sebagai ancaman terhadap keselamatan insan di Malaysia. MARDI Serdang, Selangor. Temu bual, 15 Julai.

- Tetsuji, T. & Nobuhiro, H. (2008). Productivity shocks and national food security for Japan. *RIETI Discussion Paper Series* [09-E-004]. Jepun: The Research Institute of Economy, Trade and Industry.
- Thomas, C. (1999). Introduction. Dlm. Thomas, C. & Wilkin, P. (Pnyt.). *Globalisation, human security and the African experience*. Boulder: Lynne Reinner Publications.
- UNDP. (1994). *Human development report*. New York & Oxford: Oxford University Press.
- Ungku Abdul Aziz. (1964). Poverty and rural development in Malaysia. *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol. 1 (1): hlm. 70 – 105.
- Vallely, P. (2008). The other global crisis: Rush to biofuels is driving up price of food. *The Independent (UK)*. 12 April 2008. (dalam talian) <http://www.independent.co.uk/news/world/politics/the-other-global-crisis-rush-to-biofuels-is-driving-up-price-of-food-808138.html>. Dilayari pada 16 April 2012.
- Wailes, E. J. (2005). Rice: Global trade, protectionist policies, and the impact of trade liberalization. Dlm. Aksoy, M. A. & Beghin, J. C. (Pnyt.). *Global agricultural trade and developing countries*, hlm. 177 – 193. Washington: World Bank.
- Yin, R. (1994). *Case study research: Design and methods*. Thousand Oaks, London, New Delhi: SAGE Publication.
- Zarina, Othman. (2004). Myanmar, illicit drug trafficking and security implications. *Akademika*, Vol. 65: hlm. 27 – 43.